

**SOALAN NO. : 12 10**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff  
[ Rantau Panjang ]**

**TARIKH : ISNIN, 16 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah banjir besar daripada segi jangka pendek dan jangka panjang untuk seluruh negeri Kelantan.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah merancang pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Kelantan dan RTB Sg. Golok bagi mengatasi banjir secara jangka masa panjang bagi seluruh Negeri Kelantan. Kedua-dua projek ini akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Skop projek di Sungai Kelantan termasuklah pembinaan empangan di hulu Sg Kelantan, kolam takungan banjir, pembinaan *flood wall* dan *levee* di kedua belah tebing sungai, lencongan banjir dan pengerukan sungai.

Bagi mengatasi banjir untuk jangka masa pendek, JPS juga akan membina *Levee* (3km) dari Kg. Tikat ke Kg. Kedai Buloh dan Pintu Air di Kota Bharu.

Sekian terima kasih.